

# Pelajar dinasihat kikis sikap bertangguh

B H.

Oleh Khairina Yasin

PELAJAR perlu mengikis sikap bertangguh terutama dalam mengulang kaji pelajaran, kerana ia hanya merugikan diri sendiri, kata Pengurus Persatuan Wanita Universiti Putra Malaysia (UPM), Permata, Datuk Umi Kalsom Hussin.

Sebaliknya beliau berkata, pelajar hendaklah membuat ulang kaji pelajaran secara berterusan sejak di peringkat awal sebagai persediaan bagi menghadapi peperiksaan, bukan bertangguh sehingga ke saat akhir menjelang peperiksaan.

Katanya, sikap suka bertangguh dengan alasan masih banyak masa, tidak harus diamalkan kerana ia bukan saja membuang masa, malahan tidak menggalakkan semangat berdaya saing.

"Sehubungan itu, pelajar yang akan menduduki peperiksaan perlu memanfaatkan masa untuk mengulang kaji pelajaran. Usaha itu tidak boleh ditangguhkan, tetapi perlu dilakukan dengan segera, mulai sekarang.

"Malah, usaha itu perlu diiringi dengan kesungguhan dalam mendapatkan pelbagai sumber pendidikan luar bagi memastikan proses pembelajaran yang lebih berkesan dan mantap," katanya.

Beliau berkata, penyertaan pelajar dalam program pendidikan luar sedikit sebanyak memberi satu pembaharuan kepada kaedah pembelajaran pelajar kerana pengisian yang disampaikan dalam program itu pastinya berbeza dengan apa yang dipelajari di sekolah.

"Permata peka kepada keperluan pelajar dan penganjuran seminar PMR bersama Unit Pendidikan, Berita Harian Sdn Bhd menurutnya tanpa nioiawah




**PESERTA** seminar PMR bergambar bersama Umi Kalsom (depan, enam dari kanan), Dr Zohadie dan Ibrahim. – Gambar oleh Abdul Rahim Hashim

persatuan dalam memberi bahan pendidikan tambahan kepada pelajar," katanya berucap pada majlis penutup seminar PMR yang diadakan di Institut Penyelidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (Ideal), UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

Seramai 180 calon PMR sekitar Serdang, Bangi, Kajang, Shah Alam dan Lembah Klang menyertai seminar dua hari itu.

Pada majlis itu, peserta seminar turut menerima sijil penyertaan yang disampaikan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaei. Turut hadir, Pengarang Pendidikan, Berita Harian Sdn Bhd, Ibrahim Saad.

Peserta seminar, Siti Umairah Misnan mengakui penyertaan dalam seminar itu memberi suntikan baru kepadanya dalam usaha mendapatkan bahan pembelajaran tambahan.



**DR ZOHADIE** menyampaikan sijil penyertaan kepada anaknya, Zuliana Azrin yang turut menyertai seminar berkenaan.